

## Usia bukan halangan untuk melanjutkan pengajian

Nazdy Harun  
am@hmetro.com.my



MOHD Azamuddin (dua kanan), pelajar baharu mendaftar di Universiti Malaysia Terengganu (UMT) sedang berbual bersama kakitangan UMT. FOTO Nazdy Harun

Kuala Nerus: Usia bukan penghalang kepada seorang bapa untuk melanjutkan pengajian di Universiti Malaysia Terengganu (UMT) bagi sesi kemasukan 2024/2025.

Mohd Azamuddin Mat Yaman, 36, bapa kepada dua anak dari Kampung Bukit Tokhat, Setiu berkata, dia sebelum ini bertugas di Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF) sebagai penolong pegawai teknologi.

Menurutnya, minat untuk mendalami ilmu selain meningkatkan tahap kerjaya dan manfaat tajaan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mendorongnya untuk melanjutkan pengajian.

Dia yang menetap di Perumahan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) Desa Pasifik berkata, permohonannya untuk mengikuti pengajian dalam bidang perkomputeran diterima apabila ditawarkan jurusan Sarjana Muda Sains Komputer (Komputeran Mudah Alih).

Katanya, isterinya, Rosita Jaafar, 36, juga tidak menghalang niat saya menyambung pelajaran dan dia (isteri) akan mengikut saya pulang ke Terengganu, selepas tamat sesi persekolahan tahun depan bagi memudahkan pertukaran persekolahan anak.

Menurutnya, dia akan kembali ke ibu kota apabila pengajiannya tamat bagi meneruskan kerjayanya sebagai penjawat awam.

Katanya, dia memilih UMT kerana universiti berkenaan tidak jauh dari kampungnya selain dapat mengubati kerinduannya tinggal di kampung memandangkan sudah lama bertugas di luar Terengganu.

"Walaupun saya sudah berusia lewat 30-an, saya tidak malu melanjutkan pengajian kerana ini dilakukan untuk meningkatkan tahap pencapaian saya dalam kerjaya saya di sektor awam," katanya.

Seorang lagi pelajar, Tracey Francis, 20, dari Kampung Baram, Miri, Sarawak berkata, dia membuat persiapan sejak beberapa minggu lalu untuk ke Terengganu.

"Saya datang seorang diri tanpa ditemani ahli keluarga dan ia adalah pengalaman baru buat saya selepas diterima melanjutkan pengajian dalam jurusan Sarjana Muda Sains Biologi di UMT.

"Ini kali pertama saya ke semenanjung dan peluang ini tidak akan saya sia-siakan kerana ia adalah amanah keluarga untuk melihat kejayaan saya dalam pendidikan.

"Walaupun menempuh perjalanan jauh dari Sarawak ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan menaiki kapal terbang ke Terengganu, saya puas apabila bergelar seorang graduan hari ini," katanya anak kedua daripada tiga beradik.

Menurutnya, dia ke KLIA bersama seorang rakan sekolah yang dapat melanjutkan pengajian di sebuah universiti di Kelantan dan mereka berpisah di KLIA apabila dia mengambil penerbangan ke Terengganu manakala rakannya ke Kelantan.

Sementara itu, Naib Canselor UMT Prof Ts Dr Mohd Zamri Ibrahim berkata, seramai 2,060 penuntut baharu mendaftar di UMT bagi pengajian sarjana muda sesi akademik 2024/2025.

Katanya, ia membabitkan 33 program sarjana muda meliputi bidang utama seperti sains komputer, sains marin, pengurusan maritim, sains perikanan, kewangan serta pengurusan.

**Disiarkan pada: Oktober 1, 2024 @ 2:27pm**